

## **Pengimejan batuan karbonat dengan kaedah seismos**

**ABD RAHIM MD ARSHAD<sup>1</sup>, UMAR HAMZAH<sup>2</sup> DAN ABD RAHIM SAMSUDIN<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Petronas Research and Scientific Services Sdn. Bhd.

Ulu Klang, Kuala Lumpur

<sup>2</sup>Jabatan Geologi, Fakulti Sains Fizik dan Gunaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Mengimej batu kapur dengan tepat dari segi kecondongan dan kedalaman, terutamanya lapisan-lapisan batu yang terdapat di bawahnya, adalah antara masalah-masalah yang dihadapi dalam pemrosesan data seismos. Hal ini adalah disebabkan oleh dua perkara:

Berlakunya penyerapan tenaga seismos pada batu kapur.

Perubahan mendadak halaju media; misalnya dari halaju batu pasir yang perlahan kepada halaju batu kapur yang sangat cepat.

Salah satu penyelesaian kepada masalah di atas ialah melakukan migrasi kedalaman pra-gabungan ke atas kumpulan titik tembak bersama (CSG). Kaedah ini boleh berjaya kerana konsep di sebalik atur kerja dan algorithmnya mengambil kira gerak-luar masa perjalanan yang tidak hiperbolik. Sebagai perbandingan kaedah pemrosesan seismik secara konvensional juga akan dibincangkan.